



Pesona Malam Puisi Riong

Program anjuran bersama Berita Harian dan UMP dapat sambutan hangat

Oleh Rashiqa Ilmi Abd Rahim

rashiqa@bharian.com.my

SEPERTI diduga, penampilan penyair indie, Fynn Jamal dan penyanyi bernafas ketuhanan, Ramli Sarip, pada Malam Puisi Riong Berita Harian (BH) - Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Sukan, Gambang, Isnin lalu, mencuri tumpuan lebih 3,000 khelayak yang membanjiri lokasi terbabit, dengan sesetengahnya ‘terpaksa’ berdiri.

Fynn yang juga Pensyarah Universiti Lim Kok Wing, melagukan dua puisi spontan tanpa judul sambil diiringi empat pemuzik dengan gaya bersahaja mencuit hati khlayak ketika berkongsi akan keresahan sang anak yang mengharapkan perhatian daripada ibu bapanya.


Tidak kurang lucunya apabila puisi keduanya secara halus menyindir ibu bapa dan pasangan bercinta yang tidak dapat melangsungkan perkahwinan hingga terlanjur, semata-mata untuk menjaga air muka dengan majlis besar-besaran yang menjadi trend pada masa kini.

Ramli Sarip yang tampil di pentas berhias indah sesuai dengan tema malam itu, menyanyikan lima lagu termasuk *Bukan Kerana Nama*, *Doa Buat Kekasih* dan *Kamelia*, menerima tepukan gemuruh selain lirik lagunya disambut khlayak dengan lancar apabila penyanyi yang mencipta nama dengan Kumpulan Sweet Charity itu meminta mereka melagukan lagunya bersama-sama.

Penyanyi jazz, Taheera Rosheena Mohamed, dengan penuh santun mengakui berdebar berada di pentas puisi melagukan bait puisi *Rindu Ibu* dan *Suara Tulus* karya Sasterawan Negara (SN), Datuk (Dr) A Samad Said, untuk dikongsi dengan warga UMP, pelajar sekolah berhampiran dan penduduk setempat pada majlis yang diacarakan Personaliti TV3, Ahmad Fed-

tri Yahya.

Ahmad Fedtri yang cekap mengendalikan mood penyair, artis, orang kenamaan dan khalayak pada Malam Puisi Riong BH-UMP: Apakah Dosa sempat mencabar pelajar UMP yang terlatih dalam bidang kejuruteraan agar menunjukkan bakat mereka dalam dunia deklamasi ketika meminta mendeklam-



Taheera Rosheena

sikan puisi.

Puisi empat baris, *Tanpa Kartu* karya penyair ber-suara lantang dari Pahang, Marsli NO, dideklamasikan dengan penuh keyakinan oleh seorang pelajar wanita dan lelaki UMP tanpa rasa kekok sehingga tidak dirasakan bahawa mereka yang beraksi di pentas adalah dari bidang kejuruteraan.



Marsli NO

Marsli NO sendiri berkongsi rasa dengan khalayak lewat karyanya, *Siapa Lagi Sudi Menanyakan* yang mengajak masyarakat agar bertanggungjawab terhadap gejala sosial yang semakin meningkat, sekali gus melahirkan kesedaran terhadap isu pembuangan bayi.

*Siapakah yang sudi
menanyakan sewaktu
seekor anjing menggonggong
sepotong tubuh bayi
siapakah yang telah
melemparkannya ke lorong?*

*Malamkah yang
mendamparkan segala
hangat ke sebuah ranjang
atau sepi dan resah
yang tidak pernah sirna
menjadikan kita manusia
tak lagi memiliki jiwa
dan begitu mudah roboh
kepada bujukan
demi bujukan
untuk hanya
memilih nikmat
dalam kutukan.*

Tidak ketinggalan, siapa sangka Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, pertama kali beraksi di pentas puisi menerima tepukan gemuruh daripada warga kampus yang memberi sokongan ketika melontarkan emosinya terhadap isu penderaan, pembuangan dan pembunuhan bayi, lewat *Wahai Anaku*.

Pengarang Kumpulan, Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Datuk Mior Kamarul Shahid berkongsi pengalaman kewartawanan dengan khalayak lewat Balai Berita 1 yang mengajak masyarakat hari ini memandang serius terhadap isu pembuangan bayi meskipun dipandang ringan wartawan kerana kekerapannya berita itu sehingga ia tidak lagi menjadi eksklusif.

Satu-satunya penyair bukan Melayu pada malam itu, Prof. Madya Dr Lim Swee Tin yang juga Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Put-

ra Malaysia (UPM), turut memukau penonton dengan getaran suaranya lewat puisinya, *Surat Seorang Remaja di Sebuah Kota Kepada Ibunya Jauh di Sebuah*.

Kutulis surat ini kepadamu kerana masih aku berasa begitu aneh dan keliru bagaimanakah dengan mudah kau mempercayai segala dusta dan pembohongan-pembohongan kuguru

Aku terlempar ke tengah kota ini tanpa hala dan arah yang pasti bukan sebagaimana yang pernah kukatakan kepadamu konon di sini aku disambut jawatan dan kerja, yang kelak membawa sinar baru sebuah keluarga namun, tanpa periksa dan usulnya engkau dengan mudah merelakan kau tahu kerelaan itu telah mencampakkan aku ke kancang dosa



MIOR KAMARUL (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Prof Daing Nasir pada Malam Puisi Riong Sempena Pelancaran Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku di UMP, Gambang.



Suhaimi Ibrahim

yang tak terperikan

inilah lingkaran kehidupan yang kemudian hari ke hari
aku rentasi bagaimana aku
bergelumang di lorong
masih yang hanyir,
menggelepar di kamar
hidup yang penngap serta
berdebu, membuka jendela
hari dengan
kepastian-kepastian
yang kosong, menutup tirai
malam dengan jeriji-jeriji
penyesalan yang tak pernah
berhujung ...

kita yang keliru?

Kalaupun benar lahirku
disempadani kebencian
mengapakah yang berdosa
bukan peradaban!

Pentas puisi turut dihantarkan dengan deklamasi puisi oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suhaimi Ibrahim yang membawa puisi, *Ketika Gadis Itu Melahirkan Dia Pun Dilahirkan* karya Aminah Mokhtar yang membawa khalayak menghayati penderitaan seorang wanita akibat dosa silamnya.

*Dia berguling-guling
menahan peri bisa
lendir darah mengalir
dari hujung paha
memecah bahagia
ketawa gadisnya.*

*Dia tidak tahu mengapa
perutnya kian membesar
ah, mungkin
kurangnya makan
dan angin ligat berpusar.*

*Dia tidak mampu lagi
berguling
hujung kaki sudah
melimpah darah
diraba luka yang tiada
perlahan-lahan
menjadi duka
dan dia pun
menangis berhiba-hiba*

Majlis bertambah meriah dengan persembahan *Juara Imam Muda*, Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan yang membuat penampilan sulungnya dalam dunia deklamasi puisi negara melalui puisi karya Dr Lim, *Doa Si Kecil* yang membawa suara hati bayi terbuang.

*Kau yang saat ini
seharusnya mendodiku, ibu
tak terbayang bahawa
akhirnya begini pilihanmu.*


*Dan, ketika perlahan
kaubarikan
ku di luar pintu
berulang-ulang
kautuhukah
kupanggili namamu.*

*Aduh, tak upaya ke sekian
kali ini merayu siapakah
sesungguhnya di sini antara*

Penyair siber, Persatuan Aktivis E-Sastera, Malaysia (E-Sastera), Anual Bakhri Haron atau nama penaanya, Anbakri pula melakukan dua puisinya, *Ada Cinta dan Aku Enggan Dilahirkan* sambil diiringi pemain keyboard, Juan Einrique dibawa khas dari Singapura.

Selain Anbakri, Wan Nur Ilyani Wan Abu Bakar yang juga penyair siber turut tampil dengan lagu *Jalan Kiri* sebelum Peserta Akademi Nasiyid 2008, Mohd Shukri Nasron atau lebih dikenali sebagai Cicik mengambil alih pentas dengan persembahan dua lagu yang diberi nafas baru termasuk karya Ebiet G Ade berjudul, *Berita Buat Kawan*.

Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli menghadiri Malam Puisi Riong Bh-UMP anjuran bersama Berita Harian dan UMP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) Majlis Perwakilan Pelajar UMP sempena Kempen Kami Prihatin: Apakah Dosaku yang turut dihadiri Pengarang Sastera, Berita Harian, Salbiah Ani.



Fynn Jamal



Lim Swee Tin